



**TEKS UCAPAN RAKAMAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP  
SEMINAR KELESTARIAN INTEGRITI  
PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)  
NEGERI MELAKA  
SIRI 28 BIL.3 TAHUN 2021**

**TARIKH: 7 SEPTEMBER 2021 (SELASA), MASA : 10.30 PAGI  
TEMPAT : PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA**

Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel Bin Mohamad,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Hj. Idris Bin Zaharudin,  
Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia;

Yang Berusaha Tuan Mohd Shahril Bin Che Saad,  
Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
Negeri Melaka;

Ketua-ketua Jabatan Negeri, Badan- badan Berkanun,  
Pihak Berkuasa Tempatan;

Pegawai-pegawai SPRM;

Peserta-peserta Pegawai Integriti Bertauliah  
(CeIO) Siri 28 Bil. 3 Tahun 2021;

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-  
puan;

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Bismillahirrahmanirahim,

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li  
Sayyidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,  
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, maka dapat kita hadir bersama-sama pada pagi yang mulia ini bagi mengikuti **Seminar Kelestarian Integriti anjuran Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 28 Bil. 3 Tahun 2021** secara maya melalui platform media sosial *Facebook* Kerajaan Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Hj. Idris Bin Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, di atas kesudian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka bagi melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Negeri Melaka.

3. Saya dimaklumkan, Kerajaan Negeri Melaka merupakan Negeri keempat yang telah menyokong hasrat SPRM untuk melaksanakan Program CeIO ini bertujuan untuk melahirkan pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan integriti di sektor awam dan swasta.
  
4. Selain itu, pelaksanaan program ini juga merupakan antara komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membanteras rasuah dalam kalangan penjawat awam.

5. Program CeIO Siri 28 Bil. 3 Tahun 2021 Negeri Melaka ini juga merupakan julung kali diadakan sepenuhnya secara atas talian disebabkan negara masih berdepan dengan pandemik COVID-19. Keadaan norma baharu ini pastinya begitu berbeza kerana kita perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan demi memutuskan rantai COVID-19.
  
6. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **39 orang** peserta CeIO Siri 28 Bil. 3 Tahun 2021 Negeri Melaka yang bakal menerima Sijil Pentaullahan CeIO daripada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana telah berjaya mengikuti kursus ini selama **22 hari** bermula pada **1 Ogos 2021** sehingga **28 September 2021** dengan menghadiri **sebanyak 4 modul** yang telah ditetapkan oleh pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Integriti merupakan aspek yang sangat penting dalam kita menjalani kehidupan seharian. Ia mencerminkan seseorang individu yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan.



8. Suka saya mengingatkan bahawa integriti ini tidak terhad kepada perlakuan rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih luas. Misalnya, yang **pertama** ialah **integriti dalam menyebarkan maklumat**.
9. Kebelakangan ini, saya lihat kebanyakan individu berlumba-lumba untuk menjadi orang pertama yang menyebarkan sesuatu maklumat. Namun kesahihan maklumat tersebut tidak disemak dengan teliti terlebih dahulu sehingga menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat sekeliling.

10. Oleh yang demikian, setiap penjawat awam perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam diri masing-masing bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa cemerlang.
  
11. **Keduanya, dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi** pula, **keruntuhan integriti** menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Pekerja yang tidak memiliki integriti diri yang tinggi akan sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan

peribadi, tanpa memikirkan implikasi perbuatan mereka terhadap organisasi dan negara.

12. Malah Rasulullah Sallahu A'lahi Wassallam sendiri melaknat mereka yang memberi dan menerima rasuah seperti sabdanya yang bermaksud:-

***Dari Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma meriwayatkan: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah – (Riwayat Abu Daud At-Tarmizi dan Ibnu Majah)***

13. Justeru, saya ingin menegaskan di sini bahawa saya tidak akan berkompromi dengan pelaku-pelaku rasuah di dalam Negeri Melaka dan akan bekerjasama dengan SPRM Negeri Melaka dalam memantau kelakuan-kelakuan pegawai awam negeri.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Budaya etika dan integriti ini amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan sesuatu matlamat itu dapat dicapai dengan baik. Natijahnya, rakyat akan menikmati

hasil sebenar perkhidmatan berkualiti yang disampaikan oleh penjawat awam.

15. Saya berharap agar kesemua peserta CeIO Siri 28 Bil. 3 Tahun 2021 Negeri Melaka dapat melaksanakan tugas murni sebagai pegawai integriti dengan ikhlas dan terus berusaha untuk mempertingkatkan tahap integriti organisasi masing-masing.
16. Diharapkan penganjuran seminar ini juga akan memberi manfaat dan dijadikan tauladan serta sempadan buat kita semua dalam mengharungi rutin pekerjaan dan kehidupan. Memetik kata-kata cendekiawan *Albert Einstein*;

*“...integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful...”*

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

17. Saya juga mengalu-alukan kepada SPRM Negeri Melaka untuk membantu pentadbiran saya dalam meneliti dan memberi nasihat jika terdapat perlakuan rasuah di jabatan dan syarikat milik kerajaan negeri.

18. Saya juga ingin menyampaikan **ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan / Agensi** yang telah memberikan sokongan terhadap program ini dengan membenarkan pegawai integriti jabatan / agensi masing-masing untuk menyertainya.
19. Akhir kata, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memperkasa dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan negara Malaysia akan sentiasa ditunjangi oleh ahli-ahli masyarakat madani yang memiliki integriti diri yang tinggi, insya-Allah.

Sekian, wabillahhi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.